

# DYNAMET TABLET

Cimetidine (200 mg, 400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNAMET TABLET
2. Bagaimana DYNAMET TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNAMET TABLET
4. Cara menggunakan DYNAMET TABLET
5. Semasa menggunakan DYNAMET TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAMET TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNAMET TABLET

- Ulser duodenum dan gastrik.
- Refluks keradangan esofagus (pengaliran balik kandungan di dalam perut ke dalam esofagus saluran pemakanan).
- Rembesan asid gastrik berlebihan yang tidak normal seperti sindrom Zollinger-Ellison.
- Kekurangan enzim dihasilkan oleh pankreas.

## Bagaimana DYNAMET TABLET berfungsi

Cimetidine menghalang rangsangan dan rembesan asid gastrik serta mengurangkan pengeluaran enzim pepsin. Ia juga memberi kesan-kesan pengurangan rembesan cecair badan. Cimetidine juga memberi perlindungan kepada sel-sel daripada bahan berbahaya dan mempunyai kesan bermanfaat dalam mengekalkan lapisan mukosa gastrik.

## Sebelum menggunakan DYNAMET TABLET

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika:

- Anda mempunyai kekurangan atau tiada jus gastrik.
- Anda mempunyai pertumbuhan dan pembahagian sel yang tidak normal.
- Anda mengandung.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Jangan ambil DYNAMET TABLET jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Cimetidine telah dikesan di dalam susu badan. Jangan ambil DYNAMET

TABLET jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan DYNAMET TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai fungsi buah pinggang terjejas dan berkemungkinan kanser perlu dikecualikan sebelum memulakan rawatan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan:

- Lignocaine (anestetik setempat);
- Phenytoin (sawan);
- Theophylline (mencegah dan merawat asma);
- Warfarin (mencegah pembekuan darah) dan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan DYNAMET TABLET

### - Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos perlu disesuaikan dengan setiap individu mengikut tindak balas mereka.

- Dos yang biasa: 400 mg dua kali sehari diambil pada waktu pagi dan pada waktu tidur. 200 mg atau jika perlu 400 mg tiga kali sehari dengan 400 mg pada waktu tidur juga boleh diberikan.
- Ulser duodenum dan gastrik: Dos tunggal 800 mg diberi pada waktu tidur pada permulaan untuk 4 minggu pada ulser duodenum dan 6 minggu pada ulser gastrik. Dos pengekalan: 400 mg diberi sekali pada waktu tidur atau kedua-duanya pada waktu pagi dan waktu tidur.
- Refluks esofagus: 400 mg empat kali sehari (dengan makanan dan waktu tidur) selama 4 hingga 8 minggu.
- Rembesan cecair berlebihan yang tidak normal seperti sindrom Zollinger-Ellison: Dos 400 mg empat kali sehari mungkin diperlukan, kadang-kadang bertambah kepada jumlah 2.4 g sehari.
- Kekurangan enzim dihasilkan oleh pankreas: 0.8 hingga 1.6 g setiap hari diberikan dalam 4 dos berbahagi sebelum makan.
- Kanak-kanak berumur lebih 1 tahun: 25 hingga 30 mg bagi setiap kg berat

badan setiap hari dalam 3 atau 4 dos berbahagi.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan tablet terlalu banyak boleh menyebabkan pertuturan tidak jelas, kadar nadi yang tinggi, anak mata mengembang dan kadar degupan jantung yang perlahan.

## Semasa menggunakan DYNAMET TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNAMET TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

# DYNAMET TABLET

Cimetidine (200 mg, 400mg)

Jangan berkongsi DYNAMET TABLET dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*  
Cimetidine mesti digunakan dengan berhati-hati pada wanita hamil atau semasa tempoh penyusuan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYNAMET TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan adalah cirit-birit, pening, keletihan, dan ruam. Tahap kekeliruan berbalik, terutamanya orang tua atau orang yang sakit tenat seperti mereka dengan kegagalan buah pinggang, kadang-kadang berlaku. Pembesaran buah dada dan mati pucuk juga kadang-kadang berlaku pada lelaki yang menerima dos yang agak tinggi untuk keadaan seperti sindrom *Zollinger-Ellison*.

Kesan-kesan sampingan lain yang jarang berlaku yang telah dilaporkan adalah reaksi alergik, sakit sendi dan otot, gangguan darah termasuk kekurangan sel darah putih dan jumlah platlet yang rendah, keradangan pada ruang-ruang diantara saluran buah pinggang, sakit kepala, keracunan hati dan keradangan pada pankreas.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAMET TABLET

- *Penyimpanan*  
Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat yang kering di bawah 25 ° C. Lindungi daripada cahaya.

## - *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - *Rupa dan warna produk*

DYNAMET TABLET 200MG  
Tablet berwarna hijau muda, berbentuk bulat, dwi-cembung, bergaris, bertanda '200' dan bersalut lapisan

### DYNAMET TABLET 400MG

Tablet berwarna hijau muda, berbentuk bulat, dwi-cembung, bergaris, bertanda '400' dan bersalut lapisan

### - *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif  
Cimetidine
- Bahan tidak aktif  
Lactose powder 200 mesh, Corn starch, Gelatin 240/250 Bloom, Magnesium stearate, Opadry OY21051 (Green), Chloroform Spirit.

### - *Nombor MAL*

DYNAMET TABLET 200MG  
MAL19940254AZ

### DYNAMET TABLET 400MG

MAL19940492AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

26/02/2018

## Nombor Siri:

NPRA(R4/1)260218/00059